

**KERAJAAN PAHANG PERUNTUK HAMPIR RM30 JUTA BAGI BANTUAN
PRIHATIN PAHANG 2022**

LIPIS, 09 APRIL 2022 : Kerajaan Pahang memperuntukkan hampir RM30 juta Bantuan Prihatin Pahang 2022 (BPP) kepada rakyat melibatkan pelbagai peringkat di negeri ini.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata bantuan bernilai RM29.91 juta akan diagihkan bermula bulan ini sehingga Julai.

“Hari ini saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang akan menyalurkan Bantuan Prihatin Pahang (BPP) 2022 bermula April hingga Julai ini.

“Bantuan Prihatin Pahang ini melibatkan peruntukan berjumlah RM29,910,900 untuk manfaat 297,013 penerima yang melibatkan empat kluster utama,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Bantuan Prihatin Pahang dan Sumbangan Ihya Ramadan 1443 Hijrah dengan kerjasama Yayasan Pahang di Dewan Terbuka Laman Sejahtera Jelai, Lipis.

Turut hadir YB. Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin Ishak; Ahli Parlimen Cameron Highlands, YB. Dato' Ramli Dato' Mohd Noor; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, YB. Dato' Abd Aziz Haji Mat Kiram; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Ir. Mohd. Soffi Tan Sri Abdul Razak; Ahli Dewan Negeri (ADN) Dong, YB. Dato' Sri Haji Shahiruddin Ab. Moin; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang, YH. Dato' Mahmud Mohd Nawawi; dan Pegawai Daerah Lipis, YH. Dato' Mohd Hafizi Ibrahim.

Menurut beliau lagi, empat kluster utama tersebut adalah pelajar dan anak muda, golongan B40, kluster umum, dan kluster apresiasi.

“Kumpulan-kumpulan di bawah kluster pelajar dan anak muda ialah pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, pelajar tahfiz, pelajar universiti dan politeknik, anak muda 18 tahun hingga 21 tahun, dan anak muda yang berniaga.

“Kumpulan-kumpulan di bawah kluster golongan B40 adalah anak yatim, ibu tunggal, gelandangan, nelayan dan pemandu teksi.

“Kumpulan-kumpulan di bawah kluster umum adalah kampung tradisi, peneroka, Orang Asli, penjaja harian, serta pengusaha bot dan pemandu pelancong; manakala kumpulan-kumpulan di bawah kluster apresiasi pula adalah veteran tentera dan polis,” katanya.

Beliau berkata Bantuan Prihatin Pahang 2022 ini dapat dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang kukuh.

“Seperti mana yang saya sering nyatakan, setiap hasil yang Kerajaan Negeri perolehi, kita akan pulangkan semula kepada rakyat agar kita semua dapat berkongsi rezeki demi kemakmuran dan kesejahteraan bersama.

“Saya percaya, sekiranya sasaran hasil RM1 bilion pada tahun ini tercapai, tidak mustahil Kerajaan Negeri berupaya untuk meneruskan lagi bukan sahaja Bantuan Prihatin Pahang tetapi juga bantuan-bantuan lain untuk rakyat di negeri ini,” katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Pahang telah membelanjakan RM75.03 juta bagi perbelanjaan pengurusan dan operasi mencegah penularan COVID-19 setakat akhir tahun lepas.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM31.3 juta telah diagihkan melalui pakej Bantuan Prihatin Pahang yang dilaksanakan melalui 4 fasa khusus kepada golongan sasaran,” katanya.

Mengulas mengenai bonus Aidilfitri kepada penjawat awam di negeri ini, beliau meminta penjawat awam supaya bersabar dan memberi keutamaan bagi bantuan kepada rakyat terlebih dahulu.

“Kita akan melihat kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Lazimnya kita akan beri bonus. Harap dapat sabar dan kita beri keutamaan kepada rakyat dahulu. Ada tu ada, tapi banyak mana tak tahu lagi,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo

Oleh : Ain Nadhirah Basharuddin

Foto : Muhammad Muslimi Abd Rahim

(LIPUTAN BERGAMBAR)

BANTUAN PRIHATIN PAHANG 2022



JUMLAH PERUNTUKKAN :

RM 29,910,900

JUMLAH PENERIMA :

297,013
ORANG

PENERIMA TERDIRI DARIPADA
4 KLUSTER UTAMA



Pelajar dan Anak Muda

Pelajar Sekolah Rendah, dan Sekolah Menengah, Pelajar Tahfiz, Pelajar Universiti dan Politeknik, Anak muda 18 hingga 21 tahun dan anak muda yang berniaga.



Golongan B40

Anak Yatim, Ibu Tunggal, Gelandangan, Nelayan dan Pemandu teksi.



Kluster Umum

Kampung Tradisi, Peneroka, Orang Asli, Penjaja Harian, Pengusaha Bot dan Pemandu Pelancong.



Kluster Apresiasi

Veteran Tentera dan Polis.



PERINCIAN BANTUAN
DI MUKA SEBELAH ►►

PERINCIAN BANTUAN PRIHATIN PAHANG 2022



TUNAI
RM200

9,000 orang Veteran Tentera dan Polis, 4,500 Nelayan, lebih 10,000 Penjaja Harian, hampir 1,000 pemandu teksi, lebih 40,000 pelajar Universiti, 700 pelajar Anak Yatim, 7,000 ibu tunggal, 2,000 pengusaha e-hailing, 851 pengusaha bot serta pemandu pelancong dan 3,600 anak muda lepasan SPM untuk mengambil lesen motosikal.



TUNAI
RM100

Lebih 25,000 pelajar Tahun 1 di Negeri Pahang tanpa mengira bangsa, agama, latar belakang dan keturunan. 2,400 pelajar tahfiz, 500 gelendangan dan lebih 25,000 pelajar yang menduduki SPM dan STPM tahun ini bagi pembelian 'Top-Up'.



NILAI
RM50
sekotak

Sumbangan Kotak Aidilfitri kepada Penduduk Kampung dan masyarakat Orang Asli dengan keseluruhan lebih 160,000 kotak.



TUNAI
RM300

200 Penggiat di Media Sosial seperti Blogger, Influencer, Youtuber.





BANTUAN²⁰²² PRIHATIN²⁰²² PAHANG²⁰²²



“Sukacita saya umumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju meluluskan peruntukan berjumlah **RM29.910 juta** bagi melaksanakan pemberian Bantuan Prihatin Pahang 2022 secara one-off melibatkan **297,013 penerima** daripada 4 kluster sasaran iaitu **Kluster Pelajar dan Anak Muda, Kluster Golongan B40, Kluster Umum dan Kluster Apresiasi.**”

DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
YAB Menteri Besar Pahang



[pahangmediatv](#)

[pahang_media](#)

[pahangmedia](#)

[pahangmedia](#)

www.pahangmedia.my

[pahangmedia](#)



